



"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : J. Pel. Pk (HEM) 5128/10/11/2 (J2)

Tarikh : 24 Jun 2013

Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah
Perak Darul Ridzuan

Semua Pengetua Dan Guru Besar
Sekolah Kerajaan Dan Bantuan Kerajaan

Tuan,

PERINGATAN MENGENAI LANGKAH-LANGKAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI MENJAMIN KESIHATAN DAN KESELAMATAN MURID-MURID DI SEKOLAH YANG BERADA DALAM KAWASAN BERJEREBU YANG DIANGGAP KRITIKAL

Dengan sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius fenomena jerebu yang melanda negara kebelakangan ini. Pihak kementerian telah mengeluarkan garis panduan berkaitan keadaan berjerebu tersebut melalui surat siaran KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.5(15) bertarikh 18 Jun 2013. Sehubungan itu, pihak tuan diminta mengambil langkah-langkah seperti yang terkandung dalam surat siaran tersebut bagi menjamin kesihatan dan keselamatan murid-murid di sekolah-sekolah yang berada dalam kawasan jerebu yang kritikal.

3. Bersama ini disertakan surat siaran dari Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia seperti yang dinyatakan di atas untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Kerjasama pihak tuan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ROZI BIN BUTEH ISMAIL, AMP., PPT.)
Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan,
b.p Pengarah Pelajaran Perak

s.k 1. Pengarah Pelajaran Perak
2. Timbalan Pengarah Pelajaran Perak



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8,
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
Fax : 03-8889 4548
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.5 (15)

18 Jun 2013

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 14 TAHUN 2013**

**LANGKAH-LANGKAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI MENJAMIN
KESIHATAN DAN KESELAMATAN MURID-MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG
BERADA DALAM KAWASAN BERJEREBU YANG DIANGGAP KRITIKAL**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 15 Ogos 2012 telah bersetuju meluluskan pindaan kepada Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan. Justeru, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diarahkan supaya mengambil langkah-langkah wajar bagi menjamin kesihatan dan keselamatan murid-murid di sekolah-sekolah yang berada di dalam kawasan jerebu yang kritikal.
- Pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengumumkan bahawa tafsiran Indeks Pencemar Udara (IPU) atau Air Pollutant Index (API) adalah seperti berikut:

Indeks (IPU/API)	Status
0-50	Baik/ Good
51-100	Sederhana/ Moderate
101-200	Tidak Sihat/ Unhealthy
201-300	Sangat Tidak Sihat/ Very Unhealthy
>301	Berbahaya/ Hazardous

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah diingatkan supaya mengambil langkah-langkah berikut jika fenomena berjerebu melanda kawasan atau daerah di mana sekolah itu berada.

- 3.1 Jika IPU(API) melebihi 150, pihak sekolah hendaklah menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah yang melibatkan murid-murid berisiko tinggi dengan fenomena tersebut.

- 3.2 Jika **IPU(API)** melebihi 250, pihak sekolah hendaklah menghentikan semua aktiviti kokurikulum dan aktiviti di luar bilik darjah.
- 3.3 Semua sekolah yang berada di dalam kawasan atau daerah yang mempunyai **IPU(API)** melebihi 300 hendaklah **ditutup** dengan serta merta.
- 3.4 Pihak sekolah hendaklah sentiasa mengikuti perkembangan semasa melalui media massa mengenai fenomena jerebu di kawasan atau daerah masing-masing supaya mudah untuk mengambil tindakan. Maklumat mengenai status IPU(API) juga boleh didapati dengan melayari laman sesawang Jabatan Alam Sekitar, www.doe.gov.my/aplms/.
- 3.5 Murid-murid dinasihatkan memakai penutup hidung (nasal mask) dan banyak minum air.
- 3.6 Pihak sekolah hendaklah merujuk murid-murid yang didapati tidak sihat ke klinik atau hospital berhampiran.
- 3.7 Ibu bapa yang bimbang akan kesihatan anak mereka dibenarkan tidak menghantar anak mereka ke sekolah dan pihak sekolah hendaklah dimaklumkan akan hal ini.
- 3.8 Semua jenis peperiksaan termasuk peperiksaan awam hendaklah diteruskan.

4. Surat Siaran KP/KPPM/5 (68), **Langkah-Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia Bagi Menjamin Kesihatan Dan Keselamatan Murid-Murid Di Sekolah-Sekolah Yang Berada Dalam Kawasan Berjerebu Yang Dianggap Kritikal**, bertarikh 22 Oktober 2010 dan surat siaran KP(TKPP-SOP)801/002/3 (3) bertarikh 14 Jun 2011, peringatan tentang fenomena ini adalah dibatalkan.

5. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, semua Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah Pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



TAN SRI ABD GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.;

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Menteri Pendidikan Malaysia I
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Menteri Pendidikan Malaysia II
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
4. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II
5. Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Ketua-ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia